

# BAB I PENDAHULUAN

## 1.1 Latar Belakang Kajian

Insurans adalah institusi kewangan bukan bank yang memberikan perlindungan kepada pelanggan terhadap mana-mana bahaya (risiko) yang kemungkinan menimpa pada pelanggan setelah institusi insurans mendapatkan sejumlah wang (caruman) sebagai imbalan daripada risiko yang dihadapinya.<sup>1</sup> Di dalam perjanjian insurans terdapat dua pihak yang saling mengikatkan diri untuk menjadi penjamin dan orang yang dijamin dengan segala hak dan kewajipan yang berlaku atas mereka.

Perjanjian insurans dapat diwujudkan oleh beberapa unsur yang melingkupinya iaitu peristiwa yang dilindungi, caruman insurans, dan peruntukan wang pampasan. Unsur yang *pertama* adalah peristiwa yang dilindungi dalam akad insurans. Ia adalah suatu peristiwa yang boleh wujud atau tidak wujud, Kewujudan peristiwa tersebut jauh daripada perbuatan yang disengaja oleh kedua belah pihak yang berakad. Unsur yang *kedua* adalah caruman insurans. Ia adalah sejumlah wang yang mesti dibayar pihak pelanggan kepada syarikat insurans. Unsur yang *ketiga* adalah peruntukan wang pampasan, Ia adalah sejumlah wang yang merupakan kewajipan syarikat insurans untuk diberikan kepada pelanggan sebagai pampasan bersesuaian dengan peristiwa yang dilindungi.<sup>2</sup>

---

<sup>1</sup> Lihat ulasan pendefinisan insurans yang diberikan oleh sarjana seperti Abdul Kadir Muhammad (1999), *Hukum Asuransi Indonesia*, Bandung: Citra Aditya Bakti, h. 6-7, lihat juga, R. Subekti, dan R. Tjitro Sudibio (1999), *Kitab Undang-undang Hukum Perdata*, Jakarta: Pradnya Pramita, h. 455.

<sup>2</sup> Husai Hamid Hisan (1996), *Asuransi dalam Hukum Islam: Tinjauan Atas Riba, Maisir, dan Gharara*, Penerjemah: Aisyul Muzakki Ishak, Jakarta: CV. Firdaus, hh. 8-13.

Ketentuan di atas berlaku bagi mana-mana institusi insurans sama ada yang menjadikan prinsip syariah sebagai asas operasinya (takaful) mahupun insurans konvensional. Syarikat takaful dalam berakad mahupun dalam memenuhi dana pampasan senantiasa menghindari daripada unsur *ribā*, *gharar* dan *maysir*.<sup>3</sup>

Produk takaful mengandungi dua bentuk akad. Pertama, akad *ta'min*, dimana pelanggan tersebut akan dilindungi dari kerugian dan kemalangan yang mungkin mereka alami. Kedua, akad *muḍārabah* di mana wang caruman yang dibayar itu dilaburkan oleh syarikat takaful dan keuntungan yang diperoleh melalui pelaburan tersebut akan dibahagikan berdasarkan kepada *muḍārabah*. Oleh yang demikian akad *muḍārabah* merupakan suatu elemen penting di dalam syarikat takaful.<sup>4</sup> Berasaskan pada prinsip ini, syarikat takaful akan berfungsi sebagai rakan kongsi dengan pelanggan insurans mahupun mana-mana syarikat yang menggunakan wang syarikat takaful.

Syarikat takaful bertindak sebagai *muḍārib* yang menerima wang pembayaran dari pelanggan untuk ditadbir dan dilaburkan sesuai dengan ketentuan syariah. Sedangkan pelanggan bertindak sebagai *ṣāhib al-māl*, yang akan mendapat manfaat perkhidmatan perlindungan dan pembahagian hasil dari keuntungan pelaburan.<sup>5</sup>

Dana caruman yang dibayarkan oleh pelanggan dimasukkan dalam satu akaun sahaja yang berasaskan *muḍārabah* dan *tabarru'*.<sup>6</sup> Takaful umum yang

---

<sup>3</sup> Karnaen A, Perwaatmaja (1996), *Membumikan Ekonomi Islam Di Indonesia*, Depok: Usaha Kami, h. 232-235.

<sup>4</sup> Ahmad Hidayat Buang (1996), "Takaful: Akad Insurans atau Mudarabah?", *Jurnal Syariah*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, h. 147.

<sup>5</sup> Heri Sudarsono (2003), *Bank dan Lembaga Keuangan Syariah*, Yogyakarta: Ekonisia, h. 105.

<sup>6</sup> Mat Noor Mat Zain dan Zamzuri Zakaria (2006), "Pengurusan Mudarabah Dalam Takaful Di Malaysia," *Prosiding Seminar Kebangsaan Pengurusan Harta Dalam Islam*, Sidang Editor:

menekankan kepada perlindungan harta benda termasuk kenderaan, kebakaran rumah, kecurian stok perniagaan, kemalangan diri dan seumpamanya. Bahagian *tabarru'* tidak diasingkan ke dalam satu akaun atau dana khas. Dalam konteks ini *tabarru'* berlaku apabila bayaran manfaat tuntutan dibuat kepada pelanggan yang ditimpa kemalangan. Dari sinilah timbulnya penggunaan dua rangka struktur untuk takaful umum iaitu *muḍārabah* dan *tabarru'* yang maknanya di dalamnya ada perkongsian untung dan derma.<sup>7</sup>

Wang caruman pelanggan akan dilaburkan dan pembiayaan-pembiayaan projek yang dibenarkan syariah. Keuntungan yang diperoleh akan dibahagikan sesuai dengan perjanjian *muḍārabah* yang telah disepakati sebelumnya, yang pada kebiasaanya 60% untuk pelanggan takaful dan 40% untuk syarikat takaful.<sup>8</sup>

Perkongsian untung ini merupakan ciri khas yang terdapat dalam sistem operasi syarikat takaful. Ciri khas itu, mengikut Purwanto Abdulcadir (bekas Ketua Umum Dewan Insurans Indonesia) terletak pada dua hal, *pertama*, kewujudan arahan pelaburan dari dana yang terkumpul ke sektor-sektor pelaburan yang tidak bertentangan syariah Islam. *Kedua*, kewujudan peruntukan perkongsian untung yang dapat diterima oleh pelanggan syarikat takaful.<sup>9</sup> Ciri khas lain yang terdapat dalam insurans syariah adalah akad (perjanjian). Akad yang dimaksudkan adalah akad *takāfulī*, yang bermakna saling menanggung diantara para pelanggan dengan mengedepankan nilai kebajikan (*tabarru'*).

---

Zamzuri Zakaria cs, Malaysia: Jabatan Syariah Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 332.

<sup>7</sup> *Ibid.*, h.331.

<sup>8</sup> Heri Sudarsono (2003), *op.cit.*, h. 113.

<sup>9</sup> Purwanto Abdulcadir, "Prospek Takaful di Indonesia", *Ulumul Qur'an*, No. 2/VII/1996, h. 28.

selain itu juga terdapat akad *ta'āwunī*, iaitu akad yang berlandaskan saling tolong-menolong dalam memberikan perlindungan atas adanya musibah.<sup>10</sup>

Di Indonesia perkembangan insurans syariah (takaful) yang merupakan institusi kewangan syariah mendapat kemudahan setelah diperuntukkan beberapa ketentuan undang-undang<sup>11</sup> dan mendapat sokongan daripada masyarakat. Sebagai syarikat takaful di Nusantara, Syarikat Takaful Indonesia telah memberi kepada masyarakat perkhidmatan insurans yang sesuai dengan prinsip syariah selama lebih dari sepuluh tahun melalui dua anak syarikatnya, iaitu PT.<sup>12</sup> Asuransi Takaful Keluarga dan PT. Asuransi Takaful Umum.<sup>13</sup>

Asuransi Takaful Umum adalah suatu bentuk syarikat takaful yang memberi perkhidmatan perlindungan dalam menghadapi bencana atau kerosakan atas harta milik pelanggan takaful. Bentuk Takaful Umum dilaksanakan menurut aturan yang meliputi pelanggan terdiri dari individu, syarikat dan yayasan. Perjanjian kerjasama antara syarikat takaful dengan pelanggan berdasarkan prinsip *muḍārabah*.<sup>14</sup>

Mengikut laporan yang diterbitkan PT. Asuransi Takaful Indonesia, pada tahun 2005 terjadi suatu peningkatan pengumpulan dana premium pada PT. Asuransi Takaful Umum sebesar 37 peratus atau Rp 73.36 miliar.<sup>15</sup> Selain

---

<sup>10</sup> Fatwa MUI 17hb Oktober 2001 Tentang Pedoman Umum Asuransi Syariah, *Kumpulan Fatwa MUI*.

<sup>11</sup> Setakat ini landasan hukum usaha insurans di Indonesia mengikut pada Undang-Undang Nomor 2 Tahun 1992 tentang Usaha Perasuransian dan Peraturan Pemerintah Nomor 73 Tahun 1993 tentang Penyelenggaraan Usaha Perasuransian yang secara jelas tidak mencantumkan insurans yang berasaskan pada syariah. Insurans Syariah baru digubal dalam bentuk Keputusan Menteri Keuangan No.426/KMK.06/2003 tentang Perizinan Usaha Kelembagaan dan Perusahaan Asuransi dan Perusahaan Reasuransi mengakui secara tegas terhadap Usaha Perasuransian berdasarkan Prinsip Syari'ah.

<sup>12</sup> Yang dimaksudkan PT. adalah Perseoran Tebatas atau Sendirian Berhad.

<sup>13</sup> Karnaen A, Perwaatmaja (1996), *Membumikan Ekonomi Islam Di Indonesia*, Depok: Usaha Kami, h. 241.

<sup>14</sup> Ahmad Azhar Basyir, "Takaful Sebagai Alternatif Asuransi Islam," *Ulumul Qur'an*. Nomor 2/VII/1996, h. 19.

<sup>15</sup> *Annual Report* PT. Asuransi Takaful Indonesia 2005.

pendapatan caruman, Syarikat juga berhasil meningkatkan pendapatan daripada hasil pelaburan sebesar 150.55 peratus atau Rp 2.73 miliar.<sup>16</sup>

Keuntungan dari hasil pelaburan itu akan dikumpulkan di dalam satu akaun. Jika terjadi musibah atas harta benda pelanggan yang dilindungi, maka PT. Takaful Umum membayarkan pampasan kepada pelanggan tersebut, dengan dana yang diambil dari kumpulan wang seluruh pelanggan takaful umum tersebut. Setiap pembayaran yang diperlukan Syarikat Takaful Umum diambil dari kumpulan wang pelanggan, dan jika masih terdapat kelebihan dana akan dibahagikan kepada pelanggan dan perusahaan menurut prinsip *muḍārabah*.<sup>17</sup>

PT. Asuransi Takaful Umum terus berusaha mengaplikasikan polisi pelaburan yang dapat memberikan pulangan yang optimum melalui pengembangan pelaburan yang pelbagai sehingga pelaburan syarikat menjadi lebih dinamis dan maju.

PT. Asuransi Takaful Umum dibenarkan untuk melakukan kegiatan-kegiatan pengembangan wang yang terkumpul daripada caruman pelanggan. Pengembangan wang tersebut diasaskan pada akad *muḍārabah* (perkongsian untung) melalui pelaburan. Mekanisme dan teknik pengkiraan perkongsian untung haruslah diasaskan pada kepentingan ekonomi dan urusan niaga syariah.

Pemahaman mekanisme pengiraan perkongsian untung yang diterapkan oleh PT. Asuransi Takaful Umum Indonesia merupakan persoalan yang sangat signifikan. Hal ini kerana masih rendahnya keinginan dan kecenderungan masyarakat untuk mengetahui kesan daripada akad *muḍārabah* antara pelanggan dengan PT. Asuransi Takaful Umum Indonesia terlihat dari sebahagian besar rakyat Indonesia masih belum menjadi pelanggan syarikat takaful, ini terbukti

---

<sup>16</sup> *Ibid.*

<sup>17</sup> Ahmad Azhar Basyir, "Takaful Sebagai Alternatif Asuransi Islam," *Ulumul Qur'an*. Nomor 2/VII/1996, h. 20.

dengan penelitian Purmanto Abdulcadir<sup>18</sup> bahwa penduduk muslim indonesia berjumlah 192,000,000 orang dan yang menjadi pelanggan takaful 10,596,541 bererti baru 5.52 peratus yang menjadi pelanggan takaful.<sup>19</sup> Bermula dari sinilah diperlukan tingkat pemahaman masyarakat pada mekanisme dan kesan daripada akad *muḍārabah* dalam insurans secara mendalam.

## 1.2 Permasalahan Kajian

Permasalahan kajian yang dapat dirumuskan daripada latar belakang dan persoalan kajian di atas adalah bagaimana konsep dan aplikasi akad *muḍārabah* yang boleh diterapkan dalam PT. Asuransi Takaful Umum dan bagaimana mekanisme pengkiraan keuntungan yang diterapkan pada PT. Asuransi Takaful Umum Indonesia.

## 1.3 Objektif Kajian

Setelah merumuskan beberapa permasalahan di atas, perlu objektif kajian sebagai petunjuk kajian yang dapat menjawab daripada permasalahan-permasalahan tersebut. Adapun objektif kajian ini adalah:

1. Mengkaji secara mendalam konsep akad *muḍārabah* yang diterapkan di PT. Asuransi Takaful Umum.
2. Mengkaji mekanisme pengkiraan pembahagian hasil akad *muḍārabah* yang berlaku pada PT. Asuransi Takaful Umum.

---

<sup>18</sup> Beliau pada tahun 1993- 1995 sebagai Ketua Umum Dewan Asuransi Indonesia.

<sup>19</sup> Purwanto Abdulcadir (1996), *op.cit.*, h. 31.

#### 1.4 Skop Kajian

Dari aspek institusi, skop kajian ini dikhaskan pada PT. Asuransi Takaful Umum Jakarta yang merupakan Ibu Pejabat Syarikat Takaful di Indonesia. Sebagai Ibu Pejabat Syarikat Takaful di Indonesia tentunya mempunyai ramai pelanggan sehingga peruntukan dana yang dilaburkan cukup besar adalah sebagai faktor-faktor yang penting dalam kajian ini. Kajian ini difokuskan pada konsep akad *muḍārabah* yang diaplikasikan oleh PT. Asuransi Takaful Umum Jakarta.

#### 1.5 Kepentingan Kajian

Adapun kepentingan kajian ialah :

1. Mengetahui konsep akad *muḍārabah* di PT. Asuransi Takaful Umum Jakarta.
2. Mengkaji bagaimana aplikasi *muḍārabah* dilakukan di PT. Asuransi Takaful Umum Jakarta.

#### 1.6 Sorotan Literatur

Kajian tentang akad *muḍārabah* sebagai sebuah akad praktikal dalam sistem kewangan Islam telah mendapatkan perhatian serius oleh sarjana-sarjana Islam. *Muḍārabah* adalah suatu prinsip yang telah dijadikan asas kontrak perniagaan semenjak awal pemerintahan Islam lagi.<sup>20</sup> Syarikat takaful mempunyai sistem perlindungan yang akadnya diasaskan pada prinsip takafuli dan *muḍārabah*. Syarikat takaful selain memberikan perlindungan kepada pelanggan, juga melakukan pengelolaan dana sehingga dapat memberikan keuntungan kepada pelanggan. Pengelolaan dana yang dilakukan syarikat takaful berupa deposit, surat

---

<sup>20</sup> Wahbah al-Zuhayfī (1989). *Al-Fiqh al-Islāmī wa Adallatuh*, juz iv, Damsiq: Dār al Fikr, h. 838.

berharga, pembelian tanah dan bangunan, pembiayaan *muḍārabah* dan pinjaman pinjaman modal.<sup>21</sup>

Terdapat beberapa kajian lepas yang membincangkan *muḍārabah* sebagai prinsip dalam operasi kewangan Islam. Penggunaan prinsip *muḍārabah* dalam operasi kewangan Islam sama ada digunakan dalam akad mahupun amalannya adalah sebuah saranan suatu sistem kewangan yang boleh diguna pakai untuk mengelakkan daripada unsur faedah (*ribā*).

Di antara kajian yang membincangkan isu *muḍārabah* sebagai prinsip dalam operasi kewangan Islam adalah kajian yang dilakukan oleh Ahmad Hidayat Buang (1996), “Takaful: Akad Insurans Atau *Muḍārabah*?.” Mengawali kajian ini, penulis membincangkan beberapa percanggahan di kalangan para ulama mengenai kebolehan melakukan akad insurans. Lebih jauh lagi, bahawa akad insurans tidak ada hubung kaitnya dengan *muḍārabah* kerana mereka berpendapat bahawa *muḍārabah* sebagai suatu pelengkap akad dan tidak sebagai asas akad.<sup>22</sup> Maksud percantuman daripada *muḍārabah* dalam akad insurans diperuntukkan bagi syarikat insurans dapat melaburkan kumpulan wang ahli insurans dan mendapatkan pulangan sesuai dengan syariah.

Mat Noor Mat Zain dan Zamzuri Zakaria (2006), menjelaskan landasan teori tentang *muḍārabah* dan takaful terlebih dahulu dalam kajian mereka. Pengkaji menilai bahawa *muḍārabah* merupakan salah satu prinsip yang menjadi asas akad takaful dalam hal pengurusan wang caruman pelanggan oleh takaful, bahawa kedudukan sumbangan pelanggan pada syarikat takaful tidak menjadi harta syarikat tetapi harta caruman tersebut menjadi amanah untuk dikelola melalui pelaburan yang dibenarkan oleh syariah. Keuntungan daripada pelaburan

---

<sup>21</sup> Laporan kewangan tahun 2006 PT. Asuransi Takaful Umum Jakarta, Indonesia.

<sup>22</sup> Ahmad Hidayat Buang (1996), *op.cit.*, h. 147.



tersebut akan diagihkan sebagai perkongsian keuntungan antara pelanggan dan syarikat takaful sesuai dengan nisbah yang disepakati.<sup>23</sup>

Heri Sudarsono (2003), membincangkan lembaga kewangan bank dan beberapa lembaga kewangan bukan bank termasuk syarikat takaful. Penulis membincangkan konsep takaful secara deskriptif dengan menjelaskan beberapa produk syarikat takaful yang berlaku di Indonesia. Dalam kajian ini, penulis lebih merujuk pada beberapa data sekunder di mana beliau tidak mengambil satu mana-mana institusi insurans syariah di Indonesia yang spesifik sebagai bahan kajian.<sup>24</sup>

Pg. Haji Noor Asmawi Pg. Haji Ahmad (2005), membincangkan *muḍārabah* sebagai rukun daripada akad *muḍārabah* khususnya dari sudut pelaksanaan di syarikat takaful.<sup>25</sup>

Kajian Muhammad Fadzli Yusof (1996), menghuraikan secara komprehensif amalan dan aturan sistem insurans yang berlandaskan syariah Islam. Penyertaan *muḍārabah* dalam akad takaful bertujuan untuk sama-sama berkongsi keuntungan sekiranya perniagaan yang dikendalikan oleh syarikat takaful menghasilkan keuntungan. Praktik *muḍārabah* dalam akad takaful ini dapat dilihat sebagai persetujuan oleh pelanggan syarikat takaful untuk menyerahkan modalnya dalam bentuk caruman takaful kepada syarikat takaful kemudian syarikat takaful mengurus wang caruman dengan perjanjian untuk saling jamin-menjamin di antara pelanggan masing-masing daripada kehilangan akibat dilanda kemalangan.

---

<sup>23</sup> Mat Noor Mat Zain dan Zamzuri Zakaria (2006), *op.cit.*, hh. 329-343.

<sup>24</sup> Heri Sudarsono (2003), "*Bank dan Lembaga Keuangan Syariah: Deskripsi dan Ilustrasi*, Yogyakarta : Ekonisia, hh. 91-105.

<sup>25</sup> Pg. Haji Noor Asmawi Pg. Haji Ahmad (2005), *Takaful: Kepentingan dan Hukum-hukum Perlaksanaannya*, Brunei Darussalam : Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei, hh. 49-57.

Serentak dengan itu, syarikat takaful berkongsi keuntungan kepada pelanggan sekiranya mendapatkan keuntungan daripada urus niaga yang dimaksudkan.<sup>26</sup>

Lim Chee Chee (2003), secara umum mendedahkan konsep risiko, pengawasan terhadap risiko, konsep dan operasi insurans dan jenis-jenis insurans yang terdapat dalam pasaran. Dalam bagian sub bab kajian ini dibincangkan konsep takaful. *Muḍārabah* dijadikan oleh penulis sebagai salah satu prinsip kewujudan akad insurans selain daripada prinsip takaful dan *tabarru'*. Prinsip *muḍārabah* memberikan kesan pada pengelolaan dana pelanggan yang terkumpul dalam syarikat insurans. Syarikat insurans mempunyai salah satu fungsi sebagaimana institusi kewangan bank, iaitu pengembangan dana melalui pembiayaan dan pelaburan-pelaburan yang dibenarkan. Manfaat daripada pengembangan dana akan memberikan keuntungan bagi pelanggan insurans dan syarikat insurans.<sup>27</sup>

Tulisan karya Hendon Redzuan, Rubaya Yakob dan Muhammad Abdul Hamid (2005), bermatlamat untuk mengkaji risiko yang mempunyai hubung kaitnya dengan insurans secara umum. Bahagian kajian ini juga membincangkan takaful sebagai sistem insurans Islam. Penulis menjelaskan model *muḍārabah* dalam Takaful Am yang berlaku pada Syarikat Takaful Malaysia Berhad dan Takaful Nasional Berhad. Dalam praktiknya wang pelanggan akan dikendalikan oleh syarikat takaful yang mempunyai amanah untuk mengelola dana tersebut dan melakukan perkongsian untung antara pelanggan dan syarikat takaful.<sup>28</sup>

---

<sup>26</sup> Mohd Fadzli Yusof (1996), *Takaful Sistem Insurans Islam*, Kuala Lumpur : Utusan Publication dan Distributors Sdn Bhd, hh. 18-49.

<sup>27</sup> Lim Chee Chee (2003), *Pengurusan Risiko dan Insurans*, Sintok : Universiti Utara Malaysia, hh. 226- 227.

<sup>28</sup> Hendon Redzuan, Rubaya Yakob dan Muhammad Abdul Hamid (2005), *Risiko dan Insurans*, Selangor : Prentice Hall, hh. 444-469.

Kajian-kajian tentang prinsip *muḍārabah* yang berlaku pada sistem kewangan perbankan pernah dibuat oleh Fitrianto (2006), fokus kajian adalah Bank Syariah Mandiri dan Bank Muamalat Indonesia Cawangan Pekan Baru, Riau, Indonesia. Kedua-dua institusi tersebut mempunyai kesamaan dalam penerapan *muḍārabah* daripada segi pendanaan (*founding*) dan mempunyai perbezaan daripada segi pembiayaan (*financing*).<sup>29</sup>

Kajian lain dilakukan oleh Noprizal Bin Muhammad Yunus (2006) berkenaan aplikasi *muḍārabah* Pada Bank Negara Indonesia (BNI). Penulis membincangkan *muḍārabah* sebagai prinsip operasi Bank Nasional Indonesia dalam perkhidmatan pelaburan. Matlamat kajian ini adalah keberkesanan pelaksanaan pelaburan dengan menggunakan prinsip *muḍārabah* di BNI Syariah yang memberikan perkongsian keuntungan mana-mana pihak yang terbabit.<sup>30</sup>

Dari beberapa kajian di atas dapat difahamkan, bahawa prinsip *muḍārabah* dapat diguna pakai dalam mana-mana transaksi kewangan syariah sama ada institusi bank mahupun bukan bank. Syarikat takaful adalah antara institusi yang menggunakan prinsip *muḍārabah* dalam pembentukan akad-akadnya. Keunikan yang terdapat dalam insurans syariah adalah di samping ia melakukan akad *takafuli* ia juga melakukan akad *muḍārabah*. Kaitannya dengan ini, maka sangat penting bagi penulis untuk mengkaji akad *muḍārabah* yang telah diaplikasikan di mana-mana institusi insurans syariah. Oleh sebab itu, penulis akan mengkaji aplikasi akad *muḍārabah* yang diterapkan oleh PT. Asuransi Takaful Umum Jakarta Indonesia yang sebelum ini belum ada yang mengkaji.

---

<sup>29</sup> Fitrianto (2006), *Analisis Pelaksanaan Prinsip al-Muḍārabah oleh Bank Syariah Mandiri dan Bank Muamalat Indonesia Cawangan Pekan Baru, Riau, Indonesia*, Tesis, Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, hh. 25-57.

<sup>30</sup> Noprizal Bin Muhammad Yunus (2006), *Kriteria Pelaburan Bank Syariah: Aplikasi muḍārabah Pada Bank Negara Indonesia (BNI)*, Tesis, Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, hh. 65-89.

## 1.7 Metodologi Kajian

Metodologi merupakan cara utama yang dipergunakan untuk mencapai suatu tujuan. Dalam kajian ini, rumusan yang telah diwujudkan diperlukan suatu metodologi untuk membuktikannya melalui kaedah pengumpulan data dan kaedah analisis data.

### a. Kaedah Pengumpulan Data

Penulis melakukan pengumpulan data yang sesuai dengan matlamat kajian. Merujuk pada objektif kajian di atas dan sifat daripada kajian ini adalah kajian lapangan (*field Research*), maka terdapat dua jenis data iaitu data sekunder (*secondary data*) dan data primer (*primary data*). Pengumpulan data melalui sekunder data didapati daripada kitab-kitab fiqh yang membincangkan konsep dasar akad dan *muḍārabah*. Karya sarjana-sarjana yang membincangkan konsep *muḍārabah* yang dapat diaplikasikan dalam bentuk akad insurans sama ada diterbitkan dalam bentuk buku, jurnal, kertas kerja, manuskrip mahupun dalam bentuk hasil fatwa ulama-ulama. Satu data lagi yang menjadi sumber data sekunder adalah notis akad insurans antara pelanggan dengan PT. Asuransi Takaful Umum Jakarta, dan akad pembiayaan PT. Asuransi Takaful Umum Jakarta dengan syarikat lain.

Pengumpulan data primer yang dilakukan dalam kajian ini untuk mendapatkan maklumat aplikasi akad *muḍārabah* di PT. Asuransi Takaful Umum Jakarta. Maklumat ini dapat diperoleh melalui temu bual dengan kaki tangan PT. Asuransi Takaful Umum Jakarta.

## **b. Kaedah Analisis Data**

Sifat daripada kajian ini adalah deskriptif analisis, iaitu bertujuan untuk memberi deskripsi mengenai konsep *muḍārabah* yang dapat diterapkan dalam bentuk akad insurans yang disajikan daripada dapatan data, keberkesanan daripada penerapan akad *muḍārabah* di PT. Asuransi Takaful Umum Jakarta dengan pihak-pihak yang terbabit.

Sumber-sumber itu kemudian akan diuji keaslian dan kesahihannya melalui kritik luaran dan dalaman sumber dengan menghuraikan dan menyemak kembali data-data yang ada dari pelbagai sumber tersebut dan akan diambil data-data yang paling dapat dipercayai. Dalam peringkat interpretasi ini akan diupayakan untuk bersifat objektif sehingga dalam peringkat selanjutnya, iaitu peringkat penulisan yang boleh disusun secara kronologis dan dapat dikemukakan menurut topik-topik penting daripada setiap perkembangan objek kajian.

## **1.8 Kerangka Pembahasan**

Berdasarkan pada permasalahan di atas, pengkaji akan menghuraikan kajian dalam pembahasan-pembahasan sebagai berikut :

Bab I merupakan bahagian pendahuluan dengan menjelaskan latar belakang kajian, permasalahan kajian, objektif kajian, hipotesis kajian, skop kajian, kepentingan kajian, literatur riew, metodologi kajian; kaedah pengumpulan data dan kaedah analisis data serta kerangka pembahasan.

Bab II merupakan bahagian teori dengan mengemukakan konsep takaful dan akad *muḍārabah*. Sub bab pertama yang memuat konsep takaful dimaksudkan untuk menghuraikan beberapa topik yang boleh memberikan pemahaman landasan teorinya seperti mengungkapkan erti takaful, prinsip takaful, dan asas

akad takaful. Pada sub bab kedua menjelaskan konsep akad *muḍārabah*. Rumusan teori yang diambil daripada hukum Islam mengenai akad *muḍārabah* akan dijadikan landasan teori bagi pemberlakaun akad insurans yang mengikut prinsip syariah.

Bab III merupakan tinjauan am PT. Asuransi Takaful Umum Jakarta, Indonesia dengan mendiskripsikan Sejarah PT. Asuransi Takaful Umum, visi dan misi, prinsip dasar, struktur organisasi, produk-produk yang di hasilkan oleh PT. Asuransi Takaful Umum Jakarta, tujuan, peranan dan perkembangan. Dalam bab ini juga menjelaskan beberapa maklumat penting mengenai aplikasi akad *muḍārabah* di PT. Asuransi Takaful Umum Jakarta.

Bab IV merupakan bahagian inti dari permasalahan yang dikemukakan dengan analisis aplikasi akad *muḍārabah* di PT. Asuransi Takaful Umum Jakarta. Analisis ini akan membincangkan hubung kait akad *muḍārabah* dengan pelaburan, seperti pihak pelanggan takaful sebagai pemilik modal (*ṣāhib al-māl*), syarikat takaful (*muḍārib*) yang mentadbir wang pelanggan. Penentuan nisbah perkongsian untung dan mekanisme pengiraan perkongsian untung akan dibincangkan dalam bab ini.

Bab V merupakan bahagian penutup yang berisikan kesimpulan dari inti permasalahan dengan disertai cadangan-cadangan yang dapat meningkatkan kualiti PT. Asuransi Takaful Umum Jakarta.